

07/10/1997

Hidup Siti tanpa seni hambar

Zalina Harun

ADAKALANYA ketika terjaga daripada tidur kita akan bertanya kepada diri sendiri, mengapa setiap hari kita harus bangun awal untuk bersiap ke tempat kerja, mengejar masa supaya mesin perakam waktu tidak melebihi jam 8 pagi dan kemudian bersesak-sesak di jalan raya untuk pulang selepas jam 4.15 petang.

Bosan rasanya mengulangi perkara yang sama setiap hari, apatah lagi jika memikirkan kerja bertimbun di pejabat.

Namun, Siti Hazlinda Mohd Zulkifli, 31, ada cara tersendiri untuk menghilangkan rasa jemu bekerja sehingga beliau mampu terus berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) lebih 10 tahun.

"Saya jadikan tempat kerja sebagai rumah kedua," kata anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Sebagai Pembantu Tadbir, Siti bukan saja mengendalikan fail atau urusan surat menyurat tetapi turut berdepan dengan kerenah pelanggannya.

Ketika bekerja di Bahagian Kewangan, Siti sering juga menjadi sasaran amarah kakitangan lain jika gaji atau bayaran lain lambat dibayar.

"Memang tersinggung apabila kena marah atau disindir. Namun, pelanggan saya juga adalah kakitangan Dewan yang memang saya kenali.

"Saya perlu banyak bersabar menghadapi kerenah mereka," katanya.

Dunianya di pejabat tidak habis setakat jam 4.15 petang. Jika pekerja lain bergegas pulang ketika itu, Siti pula ke Balai Budaya untuk latihan tarian, drama, puisi atau ke padang bermain bola jaring.

Aktiviti inilah yang mengikat Siti untuk terus setia dengan DBP. Wanita hitam manis ini tetap aktif walaupun sudah berumah tangga sejak tiga tahun lalu.

"Tanpa aktiviti seperti ini rutin hidup saya terasa hambar," akuinya.

Menceritakan pembabitan awal dalam aktiviti seni, Siti berkata: "Mulanya saya menari untuk suka-suka sejak berkhidmat dengan Dewan pada tahun 1985.

"Apabila sudah mencuba timbul minat dan tidak sangka, saya ada bakat menari".

Wanita yang periang ini pernah mempersembahkan tarian tradisional Melayu hingga ke Jakarta pada 1994 dan Hungary pada tahun ini.

Siti turut menganggotai kumpulan Puisi Tari DBP dan beliau berbangga apabila diberi kepercayaan menterjemahkan deklamasi puisi berbahasa Tagalog, Thailand dan Bosnia ke bahasa Melayu pada Puisi Sedunia, baru-baru ini.

Mengenai dunia teaternya, Siti berkata, ia secara kebetulan saja.

"Pada 1986 teater Kelongsong arahan Salmiah Ismail memerlukan watak penari dan beliau menawarkan watak itu kepada saya," katanya.

Siti seolah-olah 'ketagih' berteater selepas terbabit dalam Kelongsong apatah lagi menyedari beliau ada bakat berlakon.

Siti muncul dalam beberapa teater selepas itu. Antaranya, Tok Selampit yang dipersembahkan di Manila pada 1988, Matinya Seorang Patriot arahan Zakaria Ariffin yang dibawa ke London sempena Minggu Sastera pada 1992, Rumah Manusia, Belum Selesai, Lantai T Pinkie dan terbaru Sungai Mengalir Lesu.

"Teater mengajar saya mengenai disiplin dan saya sukakan suara lepas bebas ketika berteater. Teater memberi kepuasan kepada saya," katanya.

Bagi Siti, Rumah Manusia paling mencabar kerana kisah yang diadaptasi daripada teater Jepun itu menuntutnya menghayati pelbagai watak dalam satu cerita agaimanapun pelacur, wanita kematian suami, askar dan nenek.

Manakala, Belum Selesai menjadi kenangan manis buatnya kerana teater itu turut ditonton oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kehadiran Perdana Menteri satu penghargaan yang tidak ternilai kepada anak-anak teater seperti saya," katanya.

Selepas habis latihan Siti tetap menunaikan tanggungjawabnya sebagai isteri.

"Bezanya dengan suri rumah lain, saya mengemas rumah atau membasuh pada jam 12 malam.

"Saya bersyukur kerana suami memahami jiwa saya dan paling beruntung kerana dia pandai memasak. Jadi menyediakan makan malam tidak menjadi masalah baginya," kata Siti.

Siti bertuah kerana suaminya juga seorang yang aktif. Sukan lasak seperti berkayak atau panjat gunung menjadi pilihan. Siti sering menghabiskan masa hujung minggu bersama suaminya dengan berjogging atau memancing di Empangan Klang Gate.

Katanya, wanita yang aktif di luar rumah tidak bermakna ia boleh mengabaikan peranannya dalam keluarga.

"Apabila saya dan suami aktif dalam bidang masing-masing, kami banyak pertolak ansur dan berkorban untuk keharmonian rumah tangga.

"Bagi saya, perkara paling penting ialah mengisi masa ketika bersama keluarga untuk mengeratkan lagi hubungan," katanya.

Menurut Siti, wanita perlu mengetahui potensi yang dimiliki untuk memajukan diri.

Katanya, dia menyedari punya bakat selepas mencuba dan bakat itu yang dijadikan tiket untuk melihat dunia luar serta mengenali pelbagai ragam manusia.

(END)